

13 JUN, 2022

## Tarikan pesta durian Balik Pulau

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Tarikan pesta durian Balik Pulau

Oleh SAFINA RAMLI  
utusannews@mediamulia.com.my

**BALIK PULAU:** Keadaan hujan dan lalu-lintas sesak bermula dari kawasan pusat bandar hingga ke Balik Pulau, bukan penghalang buat penggemar durian memburu raja buah itu di Pesta Durian Balik Pulau di Dataran Masjid Daerah Barat Daya, di sini.

Pesta itu bermula Jumaat lalu menghimpunkan pelbagai varieti durian yang ditanam di Balik Pulau kepada pengunjung antaranya udang merah, musang king, kun poh, durian hor lor dan durian hitam.

Dianggarkan lebih 3,000 penggemar durian mengunjungi pesta durian berkenaan hujung minggu lalu yang diadakan khas bagi mempromosi dan menggalakkan industri agroturisme di daerah tersebut.

Malah bagi memudahkan pengunjung hadir, polis melaksanakan lengongan dan laluan sehala di kawasan Barat Daya untuk memastikan lalu-lintas lancar ketika festival berlangsung dan sepanjang musim durian.

Seorang peniaga durian, Mohd. Alif Aiman, 22, berkata, khusus untuk festival itu, dia membawa lebih sus tan metrik durian setiap hari



ORANG ramai tidak melepaskan peluang menghadiri pesta raja buah di Balik Pulau, Pulau Pinang bermula Jumaat lalu bagi mendapatkan pelbagai varieti buah durian kegemaran masing-masing.

untuk dijual kepada para penggemar buah berkenaan.

"Pesta ini satu peluang untuk para peniaga durian menggan-

dakan pendapatan selepas kami terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bermula Jumaat lalu, orang ra-

mai tidak putus-putus berkunjung bagi mendapatkan pelbagai jenis buah durian kegemaran masing-masing," katanya ketika ditemui

di Pesta Durian Balik Pulau.

Mohd. Alif berkata, pihaknya menawarkan durian segar dengan harga berpatutan kepada pengunjung iaitu bermula RM5 hingga RM35.

"Buah durian diperoleh dari tiga ladang yang kami pajak di Sungai Ara, Teluk Kumbu dan sekitar Balik Pulau.

"Selain membuka gerai jualan di pesta ini, kami membuka gerai jualan di Relau dan Bukit Jambul setiap hari sepanjang musim durian ini," katanya.

Dalam pada itu, seorang pengunjung, Siti Fazilah Ismail, 32, berkata, dia dan rakan-rakannya mengambil peluang sempena cuti sekolah hujung minggu berkunjung ke pesta itu bagi mendapatkan durian Balik Pulau.

"Saya tinggal di kawasan Seberang Perai. Walaupun agak sesak ke Balik Pulau, saya dan rakan-rakan tetap datang ke daerah ini untuk membeli durian, malah harga durian di pesta ini berpatutan," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA negeri, Mohd. Azraie Ramli berkata, terdapat 12 usahawan terdiri daripada peniaga durian dan peniaga jualan produk-produk berdasarkan durian menyertai pesta tersebut.



13 JUN, 2022

## Tarikan pesta durian Balik Pulau

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

BALIK PULAU: Keadaan hujan dan lalu-lintas sesak bermula dari kawasan pusat bandar hingga ke Balik Pulau, bukan penghalang buat penggemar durian memburu raja buah itu di Pesta Durian Balik Pulau di Dataran Masjid Daerah Barat Daya, di sini. Pesta itu bermula Jumaat lalu menghimpunkan pelbagai varieti durian yang ditanam di Balik Pulau kepada pengunjung antaranya udang merah, musang king, kun poh, durian hor lor dan duri hitam.